



Rujukan kami : UM.R/SM2/607/11

Tarikh Ogos 2011

**SEPERTI DI SENARAI EDARAN**

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**IKLAN PENGISIAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UNIVERSITI MALAYA**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaya (UM) mempelawa semua pegawai akademik yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaya dengan mengemukakan maklumat berikut:

(1) *Curriculum Vitae (CV)* penuh yang terkini beserta gambar berukuran passport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- (i) Latar belakang diri dan keluarga;
- (ii) Latar belakang pendidikan;
- (iii) Pengalaman kerjaya;
- (iv) Jawatan pentadbiran disandang;
- (v) Senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal ISI dan buku);
- (vi) Dokumen sokongan (jika berkaitan).

(2) Kertas cadangan yang mengandungi perancangan dan strategi calon untuk membantu Universiti mencapai ranking dunia, perancangan berkaitan portfolio akademik dan pelaksanaan strategi pengantarabangsaan.

3. Bersama-sama ini dilampirkan kriteria pemilihan calon, gaji dan bidang tugas serta tanggungjawab sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) seperti di Lampiran A dan Lampiran B. Untuk makluman, tarikh tutup permohonan adalah pada 18 Ogos 2011 (Khamis).

4. Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Universiti Malaya. YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, bolehlah menghubungi Puan Sarinah Sallip di talian 03-79673523 atau [sarinhahs@um.edu.my](mailto:sarinahs@um.edu.my) sekiranya memerlukan maklumat lanjut mengenai perkara ini. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, dalam menghebahkan perkara ini kepada semua pegawai akademik di Universiti masing-masing adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk tindakan YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, selanjutnya.

Yang benar,

MARIATI SHAKOR  
Timbalan Pendaftar  
b.p Pendaftar

s.k Naib Canselor

PEJABAT PENDAFTAR		
<input type="checkbox"/> TP	<input type="checkbox"/> PPK	<input type="checkbox"/> KK
<input type="checkbox"/> KPPK	<input type="checkbox"/> PP	<input checked="" type="checkbox"/> SN
<input type="checkbox"/> KPP	<input type="checkbox"/> PPT	
SILA/UNTUK		
<input type="checkbox"/> BINCANG	<input type="checkbox"/> FAIL	
<input type="checkbox"/> MAKLUMAN	<input type="checkbox"/> URUS	
<input type="checkbox"/> KOMEN	<input type="checkbox"/> PERNATIAN	
<input type="checkbox"/> TINDAKAN	<input type="checkbox"/> JAWAB	
<input type="checkbox"/> SDP	<input type="checkbox"/> SEMAK	
<input type="checkbox"/> EDAR		
PENDAFTAR	TARIKH	10 AUG 2011

## **LAMPIRAN A**

### **UNIVERSITI MALAYA MEMPELAWA STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN DAN MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

#### **1. TANGGUNGJAWAB**

Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam perkara berkaitan dengan hal ehwal akademik, sumber manusia dan pengantarabangsaan di Universiti Malaya. (Senarai tugas terperinci adalah seperti di Lampiran B).

#### **2. KRITERIA**

Selaras dengan tugas yang akan dipertanggungjawabkan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) calon hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut :

##### **(1) Pencapaian Universiti dalam Ranking**

) Calon hendaklah memperlihatkan komitmen dan daya usaha yang tinggi untuk membantu Universiti mencapai sasaran yang ditetapkan untuk berada di kedudukan 100 universiti terbaik dalam *ranking* dunia pada tahun 2015.

##### **(2) Kecemerlangan Akademik**

Calon hendaklah :

- (a) mempunyai kelayakan PhD dan berjawatan Profesor;
- (b) mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan seperti mana yang ditetapkan dalam Standard Academic Performance Target Universiti Malaya; dan
- (c) Mempunyai kecemerlangan akademik yang mendapat *command of respect* di kalangan rakan sejawat.

##### **(3) Kewibawaan Akademia**

Calon hendaklah telah menunjukkan kewibawaan akademik seperti berikut

- (a) mempunyai pengalaman berkaitan dengan perancangan dan pembangunan kurikulum (curriculum design). Calon hendaklah mempunyai iltizam yang tinggi bagi melaksanakan pembangunan kurikulum sesuai dengan hasrat Universiti untuk melahirkan pelajar yang dapat memenuhi keperluan profesional dan pasaran kerja dengan memberikan penekanan kepada pendidikan umum dan berasesuaian dengan falsafah pendidikan negara;
- (b) mempunyai inisiatif dalam mengembangkan inovasi pembelajaran dan pengajaran serta berpengetahuan mengenai Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (Student Centered Learning), Pembelajaran Berasaskan Masalah (Problem Based Learning), Penaksiran dan Outcome Based Learning selaras dengan tugasnya mengetuai Projek Agenda Kritikal : Pembelajaran dan Pengajaran; dan

- )
- (c) mempunyai keupayaan melaksanakan strategi antarabangsa dengan membina hubungan baik universiti dengan badan, persatuan, agensi dan institusi pengajian tinggi antarabangsa.

**(4) Keperibadian dan Sahsiah**

Calon hendaklah

- (a) Berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* dan mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti ;
- (b) Mempunyai integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan kuasa yang dipertanggungjawabkan; dan
- (c) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

**(5) Hubungan Antarabangsa**

)

Calon hendaklah diiktiraf oleh peers antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya dan mempunyai jaringan luas di peringkat antarabangsa yang dapat membantu Universiti meningkatkan aktiviti pengantarabangsaan melalui kolaborasi penyelidikan, mobiliti staf dan mobiliti pelajar.

**3. MAKLUMAT UMUM**

**(1) Gaji Dan Imbuhan**

Gaji yang akan ditawarkan akan berdasarkan Gred Gaji VU6 :

Matagaji	1	2	3	4	5
	7145.00	7838.78	8599.93	9434.99	10270.05

Imbuhan	Imbuhan Tetap Keraian	- RM3050.00 sebulan
	Imbuhan Tetap Perumahan	- RM1600.00 sebulan
	Imbuhan Tetap Jawatan Utama & Gred Khas	- RM1500.00 sebulan
	Bayaran Khas Akademik	- RM1000.00 sebulan
	Bayaran Untuk Pembantu Rumah	- RM 500.00 sebulan
	Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah	- RM2000.00 setahun

**(2) Cara Memohon**

Calon-calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan kepada Pendaftar, Universiti Malaya bersama-sama dokumen :

- (a) *curriculum vitae* (CV) penuh yang terkini beserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti latar belakang diri dan keluarga, latar belakang pendidikan, pengalaman kerjaya, jawatan pentadbiran disandang dan senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal ISI dan buku); dan
- (b) Kertas cadangan yang mengandungi perancangan dan strategi calon untuk membantu Universiti mencapai ranking dunia, perancangan berkaitan portfolio akademik dan pelaksanaan strategi pengantarabangsaan sekiranya berjaya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

**LAMPIRAN B**

**SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**Melapor kepada: Naib Canselor**

**Deskripsi Tugas :**

**Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam menentukan objektif dan hala tuju kegiatan akademik Universiti dan memberi kepimpinan untuk merealisasikannya termasuklah :**

1. Menjadi tulang belakang kepada usaha untuk mencemerlangkan Universiti Malaya sebagai universiti yang tersenarai dalam 100 terbaik dunia;
2. Merancang program akademik ke arah melahirkan pelajar yang berdikari yang dapat memenuhi keperluan profesional dan pasaran kerja;
3. Menentukan program kurikulum universiti dengan memberikan penekanan kepada pendidikan umum dan bersesuaian dengan falsafah pendidikan negara;
4. Mengolah dasar kemasukan pelajar supaya selari dengan matlamat universiti;
5. Menyelia dan memastikan sumber-sumber pembelajaran yang mencukupi dan suasana pembelajaran yang kondusif;
6. Merancang keperluan staf akademik dengan memantau aspek peluang kenaikan pangkat, mobiliti, latihan/pembangunan dan penilaian prestasi staf akademik;
7. Mempromosi dan meningkatkan kerjasama yang sedia ada dengan universiti-universiti dalam dan luar negara;
8. Meneroka peluang-peluang mendapatkan kepakaran teknikal dan sokongan untuk pembangunan latihan kakitangan akademik;
9. Mewujudkan peluang yang lebih luas khususnya untuk mobiliti pelajar dengan universiti luar negara;
10. Berusaha untuk menonjolkan kemudahan dan personaliti yang ada di universiti untuk menjadi rujukan universiti-universiti luar negara;
11. Meningkatkan peluang-peluang supaya ahli akademik UM dapat menjadi pemimpin dalam badan-badan tertentu di peringkat antarabangsa;
12. Berusaha menjadikan Universiti Malaya sebagai pusat kecemerlangan yang akan menjadi tarikan kepada calon-calon pelajar dari luar negara untuk meneruskan pengajian mereka;
13. Membantu melaksanakan strategi antarabangsa dengan membina hubungan baik universiti dengan badan, persatuan, agensi dan institusi pengajian tinggi antarabangsa;
14. Menilai keberkesanan program-program antarabangsa dari semasa ke semasa; dan
15. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Naib Canselor dari masa ke semasa.